

30,311 notis penguatkuasaan rokok dikeluarkan tahun ini

PUTRAJAYA – Sebanyak 30,311 notis penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 direkodkan untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini, berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Jumlah terbabit melibatkan Bil Notis Seksyen 32B dikeluarkan pada Januari hingga Jun di mana pada tahun lalu, sebanyak 6,111; 2020 (16,844); 2019 (21,876) dan 2018 (24,544).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sehingga Jun 2022 (enam bulan pertama tahun ini), merupakan tahun paling banyak penguatkuasaan dilaksanakan terhadap peraturan larangan merokok di tempat awam.

“Tahniah kepada penguat kuasa Sektor Inspektorat dan Perundangan Kementerian Kesihatan (KKM).

“Insya-Allah, bulan Julai sehingga Disember lagi hebat dan

dahsyat!” katanya dalam satu hantaran di Twitter beliau semalam.

Sebelum ini, media melaporkan beliau memberi komitmen untuk melaksanakan undang-undang melarang penjualan tembakau dan produk rokok lain kepada sesiapa yang dilahirkan selepas tahun 2005.

“Seperti beberapa Pejabat Serantau bagi Pasifik Barat (WPRO) di negara lain, Malaysia berharap untuk meluluskan satu undang-undang pada tahun ini yang akan membawa kepada generasi tidak merokok.

“Ia dengan melarang penjualan tembakau dan produk rokok lain kepada sesiapa yang dilahirkan selepas 2005 dan Malaysia merasakan ia memberi impak besar dalam mencegah dan mengawal Penyakit Tidak Berjangkit (NCD),” katanya.



SEBANYAK 30,311 notis dikeluarkan berkait larangan merokok di tempat awam dalam tempoh enam bulan tahun ini. – GAMBAR HIASAN